



## **PERUTUSAN DATUK BANDAR**

### **MESYUARAT MAJLIS BIL. 12/2024**

**20 DISEMBER 2024 (18 JUMADAL AKHIRAH 1446H)**

#### **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Malaysia MADANI dan Salam Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia dan Mampan.

1. Alhamdulillah, saya menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama dalam Mesyuarat Majlis yang terakhir pada tahun 2024 ini.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Datuk Bandar, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan seluruh warga kerja MBPJ serta masyarakat Petaling Jaya di atas sokongan, sumbangan idea, pendapat dan penyertaan dalam semua aktiviti program yang dianjurkan Majlis.

## 2. BEST ICT OPTIMISED GREEN DATA CENTER

Majlis Bandaraya Petaling Jaya berjaya meraih anugerah **Best ICT Optimised Green Data Center (1st Runner Up)** dalam Majlis Green Data Center Awards Malaysia 2024 yang dianjurkan oleh Malaysia Industry Government For High Technology (MIGHT), sebuah agensi di bawah MOSTI dan Green Climate Initiative (GCI) bertempat di Might Partnership Hub Cyberjaya pada 28 November 2024 yang lalu.

Anugerah ini mengiktiraf usaha yang dilakukan oleh Unit Teknologi Maklumat MBPJ bagi membangunkan pusat data hijau yang mampan dan pengoptimuman tenaga. Pusat data MBPJ diiktiraf kerana pendekatan inovatifnya terhadap reka bentuk dan operasi pusat data yang memfokuskan pada kecekapan tenaga dan kemampanan. Pengiktirafan ini menunjukkan MBPJ komited dalam mengadaptasikan amalan hijau dan merendahkan *Carbon Footprint* yang dihasilkan.

## 3. PEMAKAIAN SENARAI NILAIAN BAHARU

Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 30/2023 pada 6 disember 2023 telah memutuskan dan mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan di negeri Selangor untuk melaksanakan semakan semula terhadap senarai nilai sedia ada di PBT masing-masing dan MBPJ tidak terkecuali di dalam proses ini.

Justeru itu, satu senarai nilai baharu bagi seluruh pegangan harta berkadar di dalam kawasan pentadbiran Majlis telahpun disediakan sepertimana arahan Kerajaan Negeri dan notis mengenai pengesahan senarai nilai baharu ini telahpun diwartakan melalui warta Kerajaan Negeri Selangor jilid 77, no.49 bertarikh 5 Disember 2024.

Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri telah mengadakan sidang media berkenaan penguatkuasaan pemakaian senarai nilai baharu bagi sebelas PBT Negeri Selangor pada 9 Disember 2024 yang lalu oleh YB Dato' Ng Suee Lim, Exco Kerajaan tempatan dan Pelancongan Negeri Selangor.

Di dalam sidang media tersebut, YB Exco memaklumkan bahawa senarai nilai baharu bagi 11 PBT Negeri Selangor akan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2025 dengan kadar kenaikan maksimum tidak melebihi 25 peratus daripada cukai taksiran sedia ada termasuk bangunan yang telah diubahsuai. Walau bagaimanapun, pengenaan cukai taksiran bagi kategori perubahan matan atau perubahan kegunaan pegangan adalah berdasarkan kadar sebenar ditapak yang telah dinilai semula.

Dengan kenaikan cukai taksiran ini, hasil tambahan yang bakal diperolehi oleh Majlis akan digunakan dengan sebaiknya untuk menaiktaraf dan menambahbaik infrastruktur awam sedia ada seperti longkang, jalan raya, taman awam dan sebagainya selain melaksanakan projek

pembangunan kemudahan awam yang akan memberikan manfaat dan  
keselesaan kepada penduduk Petaling Jaya.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut mengumumkan berita gembira buat  
semua pemilik harta kategori kediaman kos rendah di mana untuk tahun  
2025, Kerajaan Negeri memutuskan untuk meneruskan dasar pemberian  
pengecualian cukai taksiran bagi pemilik kediaman kos rendah dan bagi  
kawasan MBPJ, ianya melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM 6.2  
juta yang akan ditanggung oleh Majlis.

Bagi pemilik harta di bawah kategori kediaman kampung pula,  
pengecualian cukai taksiran adalah diberikan secara bersasar untuk  
tahun 2025 bagi pemilik harta yang layak dan memenuhi syarat-syarat  
kelayakan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Untuk maksud ini,  
hebahan berkaitan syarat-syarat kelayakan dan cara membuat  
permohonan akan dimaklumkan oleh Majlis dalam masa terdekat melalui  
laman web rasmi majlis dan saluran media sosial rasmi Majlis.

#### **4. KEPERLUAN KEBENARAN DARI MBPJ BAGI MEMULAKAN KERJA-KERJA PEMBANGUNAN DI PETALING JAYA**

Majlis merupakan Pihak Berkuasa Tempatan, Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan dan Pihak Berkuasa Melesen yang diberikan peranan dan tanggungjawab sebagaimana bidang kuasa yang diperuntukkan oleh Undang-Undang seperti Akta Kerajaan Tempatan 1974 (Akta 171), Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) dan lain-lain.

Sehubungan dengan itu, setiap pembangunan yang hendak dijalankan di Petaling Jaya adalah perlu mendapat kebenaran dari Majlis terlebih dahulu. Majlis sedia maklum akan kepentingan sesuatu pembangunan. Walau bagaimanapun, ianya hendaklah dijalankan secara teratur dan terkawal mengikut undang-undang dan garis panduan agar tidak menimbulkan kacau ganggu dan memberi kesan yang negatif kepada komuniti setempat.

Baru-baru ini, Majlis telah menerima aduan khususnya dari penduduk di kawasan PJ Old Town berhubung pembinaan depoh keretapi di Taman Dusun Bandar@Railway Park oleh Kementerian Pengangkutan (MOT). Majlis telah mengambil tindakan segera dengan mengeluarkan “Notis Henti Kerja” kepada kontraktor terlibat kerana pembangunan tersebut belum lagi mendapatkan kelulusan dari Majlis.

Majlis melalui Jabatan Perancangan Pembangunan juga telah mengadakan mesyuarat penyelarasan dengan wakil MOT, Perbadanan Aset Keretapi (RAC), kontraktor dan perunding yang terlibat pada 17 Disember 2024 yang lepas. Majlis telah dimaklumkan bahawa MOT sedang melaksanakan Projek Klang Valley Double Track (KVDT) yang melibatkan kerja-kerja menaiktaraf landasan, sistem, menaiktaraf Stesen Seri Setia dan Stesen Templer serta pembinaan depoh. Antara perkara-perkara yang diselaraskan adalah :

- a) Kerja-kerja menaiktaraf Stesen Seri Setia dan Templer telah siap dibina dan mendapat kelulusan dari Majlis. Kini, dalam proses mendapatkan Sijil Pematuhan Dan Penyiapan (CCC).
- b) Bagi kerja-kerja penggantian landasan dari “single” kepada “double track” yang sedang dijalankan, pihak perunding / kontraktor MOT diminta untuk segera mengemukakan pelan kerja tanah serta pelan jalan dan perparitan untuk kelulusan Majlis. Pihak perunding/kontraktor telah memberi komitmen untuk mengemukakan permohonan pada 18 Disember 2024.
- c) Bagi pembinaan depoh, pihak MOT bersetuju untuk berpindah ke lokasi baru yang tidak melibatkan Taman Dusun Bandar @Railway Park. Namun, bangunan depoh untuk tujuan stor dan pejabat pentadbiran masih di sepanjang Jalan Railway berhadapan dengan

rumah sesebuah. Pihak MOT juga akan memastikan penyediaan tembok pemisah, penjarakan yang sesuai, tiada aktiviti penyelenggaraan dan akses keluar masuk hanya dari Jalan Tandang, kawasan Industri Seksyen 51.

- d) Cadangan lokasi baru bagi depoh ini perlu dibentangkan semula ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Lalulintas dan Kemudahan Awam untuk persetujuan Majlis sebelum mengemukakan permohonan pelan-pelan pembangunan.
- e) Pihak perunding MOT diminta untuk menyediakan Social Impact Assesement (SIA) dan kemukakan permohonan kebenaran merancang, pelan kerja tanah, pelan jalan dan perparitan, pelan bangunan dan pelan landskap secara serentak.
- f) Pihak perunding turut diminta merujuk kepada Pentadbir Tanah bagi mendapatkan pengesahan pihak yang akan menandatangani pelan-pelan tersebut kerana rizab keretapi yang terlibat belum selesai proses pewartaan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara dan masih berstatus tanah Kerajaan Negeri.
- g) Kerja-kerja selain di atas landasan sedia ada termasuk penebangan pokok hendaklah diberhentikan serta merta sehingga kelulusan diperolehi.

h) Pihak perunding juga dikehendaki mengemukakan Minit dan Senarai Kehadiran sesi libat urus yang telah dijalankan bersama penduduk di Seksyen 1 dan Taman Gasing Indah 5/46 untuk makluman Majlis.

Sehubungan dengan itu, Majlis menyeru kepada semua pihak termasuk pemaju, kontraktor, perunding, agensi-agensi Kerajaan baik di peringkat Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan untuk tidak memulakan apa-apa kerja pembinaan melainkan telah merujuk dan mendapat kelulusan dari Majlis berdasarkan keperluan akta-akta tersebut. Majlis bersedia pada bila-bila masa untuk membantu menyelaras apa-apa pembangunan, dengan syarat ianya dirujuk kepada Majlis terlebih dahulu. Tindakan penguatkuasaan seperti pemberhentian kerja di tapak dan pengeluaran kompaun terpaksa diambil sekiranya masih engkar mematuhi arahan Majlis.

## **5. PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN PROJEK YANG BERKESAN**

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), warga kerja ditugaskan dan diamanahkan dengan tanggungjawab bukan sahaja melaksanakan projek yang memberi kesan kepada komuniti malah memastikan ianya disiapkan dengan cekap, tepat pada masanya dan mengikut bajet yang telah ditetapkan. Kejayaan projek-projek ini menentukan tahap kepercayaan penduduk Petaling Jaya terhadap Majlis dan mengekalkan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya yang mampan.



Projek yang dilaksanakan adalah penting bagi memastikan kelestarian pembangunan infrastruktur, ekonomi dan kesejahteraan masyarakat setempat di Petaling Jaya. Sebagai pentadbir bandar, pengurusan yang berkesan bukan hanya tentang melaksanakan rancangan sahaja akan tetapi memastikan setiap fasa projek sejajar dengan matlamat dan nilai komuniti Petaling Jaya.

Kunci untuk mencapai hasil yang berjaya terletak pada keupayaan warga kerja untuk mengurus sumber dengan bijak, memantau kemajuan projek yang dilaksanakan dengan teliti, dan terus menyesuaikan diri dalam menghadapi cabaran semasa. Mereka yang diamanahkan perlu memberi tumpuan bagi memastikan setiap projek yang dijalankan memenuhi keperluan dan kualiti serta impak jangka panjang.

Sudah tentu, mengurus dan memantau projek tidak datang tanpa cabarannya. Kelewatan, kewangan, penglibatan pihak ketiga (utiliti, agensi, konsesi, penduduk), komunikasi dan kerumitan yang tidak dijangka adalah sebahagian daripada perjalanan mana-mana projek yang dilaksanakan. Adalah penting untuk kita menangani masalah yang berpotensi ini secara langsung dengan menggunakan kaedah yang proaktif dan menggunakan peraturan sedia ada untuk pengawasan projek-projek Majlis.

Dengan memupuk ketelusan, memastikan komunikasi warga yang jelas, dan menggunakan alat pengurusan projek yang berkesan, warga kerja boleh mengurangkan risiko dan bertindak balas terhadap cabaran dengan lebih cekap. Memantau kemajuan setiap projek dengan teliti dan menjalankan semakan berkala akan membolehkan warga kerja Majlis berada di landasan yang betul dan membuat pelarasan yang diperlukan apabila timbul masalah di lapangan. Bagi memastikan projek-projek Majlis diurus dan dipantau dengan baik, ia mesti :

- a) **Wujudkan Objektif dan matlamat yang Jelas:** Penting untuk warga kerja menetapkan matlamat yang jelas dan boleh diukur untuk setiap projek dari peringkat awal perancangan projek. Ini termasuk menentukan skop projek, garis masa dan hasil yang dijangkakan untuk membantu kita menilai sama ada kita masih berada di landasan yang betul.
  
- b) **Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang Teguh:** Setiap projek datang dengan risiko, dan adalah penting untuk menjangka dan bersedia menghadapinya. Kita perlu melaksanakan pelan pengurusan risiko yang kukuh yang mengenal pasti isu-isu yang berpotensi lebih awal dan menyediakan strategi mitigasi bagi mengatasinya.

- c) **Pemantauan dan Penilaian Berterusan:** Pemantauan berterusan adalah kunci untuk memastikan projek berada di landasan yang betul. Melalui peringkat perancangan, sistem pelaporan dan pengumpulan data masa nyata, warga kerja boleh memastikan projek berjalan seperti yang diharapkan. Penilaian juga harus dijalankan pada pencapaian penting untuk memastikan projek sejajar dengan matlamat yang ditetapkan pada awalnya.
- d) **Akauntabiliti dan Ketelusan:** Warga kerja perlu memastikan akauntabiliti di setiap peringkat dari perancangan, perlantikan, pemantauan, pembayaran sehinggalah penyerahan. Penyampaian maklumat mengenai status projek juga perlu bagi membantu membina kepercayaan dan memastikan pihak Majlis telus dengan pemegang taruh termasuk Ahli Majlis Kawasan dan Yang Berhormat. Mekanisme pelaporan yang jelas dan mudah diakses akan memastikan semua pihak berkepentingan, termasuk komuniti, dimana pihak Majlis telah membangunkan sistem SPPRO dan mesyuarat berkala bersama pihak yang berkepentingan.
- e) **Kerjasama Merentas Jabatan:** Projek yang berjaya memerlukan makluman jelas dan kerjasama daripada pelbagai jabatan. Adalah penting untuk semua memudahkan kerjasama merentas jabatan untuk memastikan setiap aspek projek dipertimbangkan dan diuruskan dengan sewajarnya. Pendekatan ini membantu dalam

menyelesaikan masalah dan memperkemas proses pelaksanaan projek itu sendiri dan tidak lari dari dasar dan peraturan sedia ada.

Berdasarkan ini, saya menggesa semua warga kerja MBPJ untuk mengambil pendekatan kolektif dalam memastikan dasar dan peraturan semasa dipatuhi untuk mengurus dan memantau projek yang dilaksanakan. Kita mempunyai dasar, peraturan, warga kerja mahir, dan keazaman untuk menjayakan inisiatif ini. Marilah kita semua beriltizam dan komited ke arah pengawasan projek yang tertinggi, bagi memastikan setiap wang yang dibelanjakan dan setiap usaha yang dilakukan menyumbang kepada peningkatan komuniti Petaling Jaya sebagai sebuah bandar bahagia.

Terima kasih atas komitmen warga kerja untuk kecemerlangan dalam perkhidmatan awam dan atas dedikasi semua untuk memastikan kejayaan setiap projek dilaksanakan. Bersama-sama kita membina sebuah komuniti yang bukan sahaja diurus dengan baik akan tetapi sejahtera, saksama, dan berfikiran ke hadapan dalam membangunkan sebuah bandar raya. Marilah kita bekerjasama untuk menjamin bahawa pelaksanaan projek Majlis pada hari ini akan membuka jalan untuk hari esok yang lebih baik.

## **6. PERMIT PERAYAAN TAHUN BARU CINA BAGI TAHUN 2025**

Pada tahun 2025, Majlis telah meluluskan Cadangan Permit sempena perayaan Tahun Baru Cina. Tarikh operasi Permit Perayaan Tahun Baru Cina akan bermula pada 26 Disember 2024 sehingga 28 Januari 2025.

Permohonan secara dalam talian bagi sesi pertama untuk Permit Perayaan Tahun Baru Cina telah dibuka bermula 20 November 2024 sehingga 3 Disember 2024 selama 14 hari yang melibatkan empat lokasi dengan jumlah keseluruhan petak yang ditawarkan adalah sebanyak 75 petak. Lokasi-lokasi adalah seperti berikut :

- a) Pasar Jalan Othman : 12 Petak
- b) Pasar Taman Megah : 16 Petak
- c) Pasar Kg. Cempaka : 19 Petak
- d) Jalan SS 9A/14, Sg. Way : 28 Petak

Bagi permohonan secara dalam talian sesi kedua bagi Permit Perayaan Tahun Baru Cina telah dibuka pada 13 Disember 2024 sehingga 20 Disember 2024 selama 8 hari untuk memberi peluang kepada peniaga-peniaga yang terlepas memohon pada sesi pertama.

Permohonan Permit Perayaan Tahun Baru Cina 2025 merekodkan sejumlah 25 permohonan bersamaan 31 peratus manakala 38 petak bersamaan 79 peratus masih lagi kosong dan belum diisi. Jumlah kekosongan adalah seperti berikut :

BIL.	LOKASI	JUMLAH PETAK	JUMLAH PETAK YANG DIISI	JUMLAH PETAK KOSONG
1.	Pasar Jalan Othman	12	0	12
2.	Pasar Taman Megah	16	1	15
3.	Pasar Kg. Cempaka	19	19	0
4.	Jalan SS 9A/14	28	5	23
	<b>JUMLAH</b>	<b>75</b>	<b>25</b>	<b>50</b>

## 7. BAZAR RAMADHAN 2025

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah meluluskan pelaksanaan Bazar Ramadan MBPJ bagi tahun 2025 yang melibatkan sejumlah **18 lokasi dengan 1,260 petak** ditawarkan di Petaling Jaya. Permohonan secara dalam talian bagi sesi pertama bagi petak Bazar Ramadan 2024 telah pun dibuka pada 2 Disember 2024 sehingga 15 Disember 2024 yang lalu.

Sehingga 16 Disember 2024, Majlis telah menerima sebanyak 1,070 permohonan (84.92 %). 5 daripada 18 lokasi Bazar Ramadan telah merekodkan permohonan melebihi petak yang ditawarkan iaitu di lokasi **PJS 2/3 Taman Medan, PJS 1/30 Taman Sri Manja, SS 6/1 Kelana Jaya, Seksyen 4 Kota Damansara dan Apartment Vista Damansara Damai.**

<b>BIL.</b>	<b>LOKASI</b>	<b>JUMLAH PETAK</b>	<b>JUMLAH PETAK KOSONG</b>	<b>PERATUS PERMOHONAN</b>
1.	Taman Medan PJS 2/3	127	0	107.87 %
2.	Taman Sri Manja PJS 1/30	80	0	148.75 %
3.	Kg. Lindungan PJS 6/3	55	7	12.73 %
4.	Desa Mentari PJS 6/5	40	18	45 %
5.	SS 6/1, Kelana Jaya	208	0	108.65 %
6.	SS 8, Sg. Way	80	12	15 %
7.	Seksyen 17/1A	60	34	56.67 %
8.	Seksyen 14/27 (Pasar Seksyen 14)	60	30	50 %
9.	Lembah Subang	50	24	48 %
10.	Kg. Sg. Kayu Ara (Tapak Pasar Malam)	20	4	20 %
11.	Seksyen 4, Kota Damansara	100	0	175 %
12.	Seksyen 7, Kota Damansara	70	57	81.43 %
13.	Jalan Meranti, SD 13/4, Bandar Sri Damansara	70	14	20%
14.	Apartment Vista Business Centre, Damansara	160	0	101.88 %

	Damai			
15.	Prima Damansara	20	17	85 %
16.	Jalan Kenyalang 11/1, Kota Damansara	25	8	32 %
17.	Jalan PJS 8/12	25	0	100 %
18.	Seksyen 8, Sg Jernih	10	0	0.00 %
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1260</b>	<b>1070</b>	<b>84.92 %</b>

Permohonan secara dalam talian bagi sesi kedua akan dibuka pada 21 sehingga 24 Disember 2024 (selama 4 hari) bagi memberi peluang kepada peniaga-peniaga yang berminat bagi kekosongan petak di lokasi-lokasi yang mempunyai kekosongan petak.

## 8. FI LESEN PERNIAGAAN

Bermula 1 Januari 2024, pengecualian fi lesen perniagaan penjaja kecil, pasar malam dan pasar tani di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor telah ditamatkan merujuk kepada Cabutan Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 31/2023 bertarikh 13 Disember 2024.

Pada 21 Mei 2024, Majlis telah mengadakan sesi libat urus bersama wakil-wakil peniaga pasar malam melibatkan 29 lokasi pasar malam di sekitar Petaling Jaya bagi memberi penerangan berkenaan Pelaksanaan Semula Fi Lesen pada tahun 2024.



Majlis juga telah mengeluarkan dua Notis Pemakluman kepada pemegang lesen perniagaan penjaja kecil, pasar malam dan pasar tani iaitu pada 21 Mei 2024 dan 22 Ogos 2024 sebagai peringatan kepada arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Majlis turut membuka kaunter bergerak di empat lokasi pasar malam sebagai kemudahan kepada pemegang lesen membuat pembayaran fi lesen seperti di lokasi berikut :

BIL.	LOKASI	TARIKH	HARI
1.	Pasar Malam Taman Medan PJS 2D	5 Jun 2024	Rabu
2.	Pasar Malam Damansara Damai	7 Jun 2024	Jumaat
3.	Pasar Malam SS 2/60, SS 2/61	10 Jun 2024	Isnin
4.	Pasar Malam Sunway Mentari	12 Jun 2024	Rabu

## 9. PENGURUSAN ADUAN AWAM

Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan gerbang tunggal saluran penerimaan aduan di Negeri Selangor, MBPJ telah mula menggunakan Sistem Pengurusan Aduan Awam atau SISPAA pada 1 April 2024. Sistem yang turut diintegrasikan dengan aplikasi mudah alih respons rakyat ini memberi ruang kepada penduduk untuk bukan sahaja menyalurkan aduan atau cadangan kepada MBPJ, malahan dengan agensi-agensi lain yang menggunakan SISPAA.

Walau pun SISPAA ini adalah sistem yang bukan dibangunkan oleh MBPJ tetapi dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) namun dengan ciri-ciri dinamik sistem itu sendiri, ianya telah menerima cadangan penambahbaikan daripada MBPJ agar ianya menepati kehendak pengguna dalaman dan luaran SISPAA ini.

Sehingga November 2024, Majlis telah menerima 21,738 aduan daripada pelbagai sumber dan saluran dan daripada jumlah tersebut sebanyak 16,694 iaitu 80 peratus aduan telah segera diselesaikan. Prestasi penyelesaian aduan ini bukti komitmen yang tinggi oleh jabatan-jabatan di MBPJ dalam menyelesaikan aduan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Ia turut dibantu oleh komitmen pengurusan tertinggi yang turun padang menyantuni pengadu bagi menyelesaikan aduan.

## **10. PENGUATKUASAAN PEMBUANGAN SAMPAH SECARA HARAM DI PETALING JAYA**

Pemeriksaan aspek perundangan dan penguatkuasaan memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan *Way Forward* sesebuah organisasi ke arah menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan yang efisien kepada penduduknya. Pengukuhan aspek perundangan dan penguatkuasaan ini juga adalah selari dengan perkara 16, Sustainable Development Goals (SDG) iaitu *Peace, Justice and Strong Institutions* serta mewujudkan tadbir urus S.M.A.R.T yang berkesan melalui

Rancangan Selangor 1 (RS-1) serta Pelan Strategik PJSSR 2030 bagi mewujudkan pihak berkuasa tempatan yang berprestasi tinggi melalui pelaksanaan dasar dan polisi yang berkesan.

Majlis telah melaksanakan program ***PJ Watch*** yang bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang awam khususnya penduduk Petaling Jaya bahawa menjaga kebersihan adalah tanggungjawab kolektif secara bersama. Inisiatif ini merangkumi serampang 2 mata iaitu **memberikan pendidikan** berkaitan kepentingan menjaga kebersihan serta **menguatkuasakan undang-undang** ke atas orang awam yang membuang sampah di merata tempat. Hebahan berkaitan program ini juga telah dibuat di media sosial MBPJ dan papan iklan elektronik sekitar Petaling Jaya.

Bermula 1 Januari 2024 sehingga 15 Disember 2024, pihak Majlis telah melaksanakan sebanyak **575 tawaran kompaun, 4 tindakan sitaan kenderaan dan 2 tindakan pendakwaan mahkamah** kepada individu dan pemilik premis yang ingkar dan membuang sampah di tempat yang tidak dibenarkan. Di bawah UUK 5(1) Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran (MPPJ) 1999, tiada sesiapa pun boleh melakukan atau menyebabkan dilakukan apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang boleh mendatangkan kekotoran di mana-mana kawasan, premis, bangunan dan lain-lain tempat sama ada di mana-mana tempat awam ataupun tempat persendirian. Mereka yang melanggar peraturan ini boleh dikenakan

kompaun tidak melebihi satu ribu ringgit dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau satu tahun penjara atau kedua-duanya serta sitaan ke atas mana-mana kenderaan atau apa-apa alat yang digunakan untuk membuang sampah.

MBPJ turut melaksanakan pemantauan melalui *mobile* CCTV. Ketika ini, Majlis mempunyai **19 unit *mobile* CCTV** dan tambahan sebanyak **8 unit CCTV** di beberapa lokasi *hotspot* pembuangan sampah haram seperti di Jalan PJU 1A/7, Jalan SS 20/11, Jalan PJS 1/21A, Jalan 18/17 termasuk di kawasan-kawasan lembangan sungai bagi memantau aktiviti pembuangan sampah haram serta mengenal pasti pelaku. Di samping itu, anggota penguatkuasa juga melaksanakan **pemantauan dan rondaan dalam tempoh 24 jam** di lokasi *hotspot* pembuangan sampah haram tersebut.

Sehubungan itu, Majlis berharap masyarakat Petaling Jaya sentiasa cakna dalam memastikan kebersihan sentiasa terpelihara dan membuang sampah di tempat yang telah ditetapkan dalam memastikan bandar raya Petaling Jaya bersih dan indah. Majlis juga amat mengalu-alukan orang awam menyampaikan maklumat berkaitan pembuangan sampah haram melalui hotline aduan MBPJ di talian 03-79542020.

## 11. OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU BERSAMA RAKAN STRATEGIK MBPJ

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi-agensi rakan strategik bagi memastikan tindakan penguatkuasaan yang lebih efektif dan efisien. Di antara kolaborasi yang telah dilaksanakan adalah bersama agensi-agensi rakan strategik seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Pejabat Daerah dan Tanah Petaling (PDT), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Syarikat Air Selangor.

Skop operasi penguatkuasaan secara bersepadu yang dilaksanakan adalah meliputi aktiviti tred, aktiviti penjaja, halangan lalulintas, halangan kenderaan berat, halangan kenderaan terbiar, binaan tanpa kebenaran dan aktiviti lesen berisiko. Pada sepanjang tahun 2024 (sehingga 18 Disember 2024), sebanyak **49 operasi bersepadu** telah dilaksanakan di atas pelbagai kesalahan mengikut statistik tindakan seperti berikut :

- a) 179 penahanan warga asing
- b) 579 tindakan kompaun
- c) 61 tindakan saman

- d) 78 tindakan notis
- e) 240 tindakan sitaan
- f) 13 tindakan perobohan
- g) 39 penurunan iklan premis
- h) Empat tindakan penutupan premis

Kolaborasi operasi bersama rakan-rakan strategik akan diteruskan dalam usaha memastikan tahap pematuhan undang—undang dikalangan *stakeholder* Petaling Jaya. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis memohon agar semua pihak sentiasa cakna dan mematuhi segala perundangan yang ditetapkan bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan.

## **12. CEGAH AEDES TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

Sebagai usaha untuk membendung wabak demam denggi, Majlis menyeru kepada semua pihak agar mempertingkatkan lagi inisiatif dalam penularan wabak. Langkah-langkah ini amat penting bagi mengurangkan kadar morbiditi dan kematian akibat penyakit ini, yang menjadi cabaran besar di peringkat nasional mahupun global.

Majlis mengakui salah satu cabaran utama dalam menangani isu ini adalah sikap masyarakat itu sendiri. Ramai yang masih memandang ringan tanggungjawab untuk menjaga kebersihan persekitaran, dengan beranggapan bahawa tugas ini bukan tanggungjawab mereka. Akibatnya,

mereka kurang cakna terhadap kebersihan persekitaran yang menyumbang kepada penyebaran virus denggi secara meluas. Setiap tahun, jumlah kes dan kadar kematian terus meningkat, dan ini sebahagiannya berpunca daripada sikap tidak peduli terhadap usaha pencegahan.

Oleh itu, adalah penting untuk kita bersama-sama mengubah sikap ini. Masyarakat perlu diberikan pendedahan yang lebih menyeluruh untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran, dan pemahaman tentang kepentingan langkah-langkah pencegahan. Pengetahuan yang betul tentang demam denggi adalah langkah pertama untuk membentuk sikap positif dalam kalangan rakyat kita. Majlis juga ingin menekankan bahawa penglibatan aktif masyarakat adalah elemen paling penting dalam usaha membendung pembiakan nyamuk Aedes. Komitmen bersama inilah yang mampu memutuskan rantai penularan penyakit demam denggi.

Peranan Pasukan SEDAR, yang terdiri daripada sukarelawan kesihatan tempatan telah berjaya memainkan peranan penting dalam menyelaraskan inisiatif pencegahan di peringkat kejiranan, termasuk menjalankan aktiviti gotong-royong serta memusnahkan tempat pembiakan nyamuk. Usaha sebegini bukan sahaja membantu mengurangkan populasi nyamuk tetapi juga menyemai semangat kerjasama dalam kalangan komuniti untuk memastikan persekitaran bebas daripada ancaman nyamuk Aedes.

Majlis menekankan pentingnya usaha bersama untuk membentuk masyarakat yang lebih prihatin dan bertanggungjawab dalam menjaga kesihatan dan kesejahteraan. Dalam usaha membanteras demam denggi, penubuhan Pasukan SEDAR merupakan satu inisiatif penting yang memberi banyak manfaat di peringkat komuniti.

Pasukan SEDAR memainkan peranan penting dalam melaksanakan langkah-langkah pencegahan dengan lebih berkesan. Melalui latihan yang diberikan, pasukan ini telah meningkatkan pengetahuan dan kesedaran sukarelawan tentang demam denggi, cara pembiakan nyamuk Aedes, dan langkah pencegahan yang berkesan. Sukarelawan Pasukan SEDAR juga berperanan dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat mengenai bahaya demam denggi dan cara mencegahnya, termasuk memusnahkan tempat pembiakan nyamuk di sekitar komuniti.

Majlis menegaskan bahawa usaha menangani demam denggi memerlukan sokongan dan penglibatan dari semua pihak, bermula dari individu hingga ke peringkat komuniti. Dengan kerjasama ini, persekitaran yang lebih sihat dan bebas daripada ancaman denggi dapat dicapai.

Dalam kepelbagaian sambutan hari perayaan, sama ada berasaskan agama atau budaya, berjalan secara harmoni dan meriah dalam kalangan pelbagai kelompok adalah manifestasi keunggulan sikap bertoleransi serta saling menghormati antara kita yang kukuh terjalin sejak sekian lama. Ianya harus dan



perlu disuburkan atas kesedaran bahawa kepelbagaian yang wujud merupakan khazanah berharga masyarakat Malaysia untuk menambah nilai kepada mutu kehidupan bersama dalam kehidupan bermasyarakat.

Selamat menyambut Hari Krismas kepada masyarakat beragama Kristian di seluruh negara. Hari Krismas atau Hari Natal adalah hari besar bagi mereka untuk meraikannya bersama keluarga dan sahabat handai. Semoga sambutan Krismas pada tahun ini terus membawa kegembiraan, kedamaian, keamanan, keharmonian, kemakmuran dan perpaduan kepada negara dan rakyat Malaysia.

Bersempena kehadiran tahun baharu yang bakal menjelma tidak lama lagi, marilah kita bersama-sama beriltizam untuk mencapai apa yang lebih baik dari tahun sebelumnya, memberikan khidmat terbaik kepada keluarga, masyarakat dan negara. Marilah juga kita bersama-sama berganding bahu untuk memperkukuhkan lagi perpaduan dan keharmonian kaum di kalangan kita, seterusnya bersama-sama membangunkan Negara Malaysia tercinta

**Selamat Hari Krismas dan Selamat Menyambut Tahun Baharu 2025.**

**Sekian, terima kasih.**